
Tekad buang aktiviti negatif di ibu kota

Kuala Lumpur: Datuk Bandar Kuala Lumpur baharu Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkead untuk membersihkan ibu kota daripada segala bentuk aktiviti negatif termasuk pelacuran.

Maimunah berkata, apa saja aktiviti tidak selari dengan garis panduan undang-undang perlu diambil tindakan tegas.

“Kita inginkan ibu kota yang ceria, kreatif dan bersih. Bukan saja bersih daripada sampah, tapi juga bersih daripada segala aktiviti negatif.

“Jadi, mengenai isu lubang pelacuran dilaporkan ini, saya akan melihat dengan lebih serius,” katanya.

Menurutnya, beliau meminta diberikan sedikit

masa untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap aktiviti tidak bermoral berkenaan.

“Di DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) terdapat 25 jabatan. Bagi saya sedikit masa dan dari sekarang tindakan perlu diambil.

“Ada juga kes yang berkaitan dengan jabatan lain. Perjudian di bawah Polis

Diraja Malaysia (PDRM), daripada segi premis bawah DBKL, kalau ada orang luar (pendatang asing) masuk atau terbabit dalam aktiviti itu, ia membabitkan imigresen,” katanya.

Menurutnya, semua agensi perlu duduk semeja dan bekerjasama dalam membanteras segala aktiviti tidak bermoral di ibu negara.